

CNS5468

U GB 20-07 00163 BA876

Bah

Mahathir - Pekerjaan

BUTTERWORTH, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertambahan peluang pekerjaan yang banyak dalam sektor perkilangan menunjukkan kejayaan strategi perindustrian yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, peningkatan peluang pekerjaan itu menimbulkan persaingan di kalangan syarikat berkenaan untuk menawarkan ganjaran yang lebih baik bagi mendapatkan pekerja.

+Pertambahan peluang pekerjaan di sektor ini menyebabkan syarikat-syarikat yang ada terpaksa bersaing untuk mendapatkan pekerja,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Sony Electronics (M) Sdn Bhd dan Sony Mechatronics Products (M) Sdn Bhd di Seberang Prai, dekat sini hari ini.

+Oleh kerana itu, syarikat berkenaan terpaksa menawarkan gaji yang lebih baik untuk menarik minat pekerja dan ini bererti pekerja tidak perlu melancarkan mogok untuk mendapatkan kenaikan gaji,+ kata beliau.

Beliau juga berkata kerajaan bersedia mengadakan kerjasama dengan pihak swasta bagi mewujudkan pusat latihan untuk meningkatkan kecekapan pekerja dan mengatasi kekurangan tenaga mahir dalam sektor berkenaan.. -- Lagi.

♥20/07/16-26MST

U GB 20-07 00142 BA877

Bah

Mahathir - Pekerjaan 2 Butterworth

Katanya kini terdapat syarikat-syarikat Jepun yang melabur di negara ini yang banyak menghantar pekerja mereka ke Jepun untuk mendapatkan latihan sambil berkerja dalam bidang pembuatan.

+Hasil latihan seumpama ini, kecekapan pekerja berkenaan meningkat sehingga boleh melahirkan produk yang lebih canggih. Ini juga menunjukkan syarikat-syarikat berkenaan percaya akan kebolehan pekerja tempatan.+

Mengenai pengeluaran komponen oleh industri sokongan, beliau berkata peluang syarikat yang mengeluarkan komponen untuk industri utama adalah cukup baik.

Beliau yakin jika terdapat usahasama dengan syarikat Jepun atau negara lain, rakyat akan lebih berpeluang melibatkan diri dalam industri ini.

Mengenai dakwaan DAP bahawa kerajaan membelanjakan \$50 juta untuk pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Prai, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, DAP tidak mempunyai kerja lain, selain membuat tuduhan tidak berasas. -- Lagi.

♥20/07/16-36MST

U GB 20-07 00208 BA878

Bah

Mahathir -- Pekerjaan 3 Butterworth

+DAP tidak mempunyai kerja, selain mencaci orang lain sedangkan jika BN memiliki wang sebanyak itu, lebih baik ia dibelanjakan untuk perkara lain daripada mendapatkan satu kerusi,+ katanya.

Mengenai slogan DAP +Ambil Duti BN: Undi DAP+ pada pilihan raya kecil Prai itu, beliau berkata BN memang membelanjakan wang untuk rancangan pembangunan tetapi tidak pernah memberi duit pada rakyat.

Beliau bagaimanapun berkata, barangkali DAP memang biasa berbuat demikian untuk membeli undi sebab itu parti pembangkang itu percaya bahawa orang lain membeli undi seperti itu.

+Bagi seorang yang 'crook,' dia pun percaya orang lain juga 'crook' macam dia. Inilah masalah DAP.+

Pilihan raya kecil Prai pada 27 Julai menyaksikan pertandingan tiga penjuru antara BN, DAP dan calon bebas. Ia diadakan bagi mengisi kekosongan ekoran perletakan jawatan anggota Dewan kawasan itu dari DAP.

Mengenai pindaan Akta Pengambilan Tanah, beliau menjelaskan bahawa langkah itu untuk kepentingan rakyat kerana rakyat Malaysia akan terus meningkat sedangkan keluasan tanah tidak akan meningkat lagi.

Kerajaan tidak akan mengambil tanah rakyat secara membuta-tuli, tetapi dengan peraturan dan pertimbangan adil kerana kerajaan sentiasa fikirkan hal rakyat, katanya sambil memberi jaminan tidak akan berlaku penyelewengan dalam hal berkenaan. -- Bernama.